

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kanak-kanak yang sedang ditahan di Pusat Tahanan Imigresen seluruh negara dan jumlah kanak-kanak yang ditahan tanpa penjaga dalam pusat Tahan Imigresen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tahanan kanak-kanak di Depot Tahanan Imigresen setakat 26 Oktober 2020 adalah seramai 756 orang. Pecahan tahanan kanak-kanak mengikut jantina adalah 488 orang kanak-kanak lelaki dan 268 orang kanak-kanak perempuan.

Manakala, jumlah kanak-kanak yang ditahan tanpa penjaga di Depot Tahanan Imigresen adalah seramai 405 orang. Pecahan kanak-kanak tanpa penjaga mengikut warganegara adalah seperti berikut:

BIL.	WARGANEGARA	TANPA PENJAGA		JUMLAH
		KKL	KKP	
1.	BANGLADESH	0	0	1
2.	KEMBOJA	9	7	16
3.	CHINA	2	0	2
4.	INDIA	0	0	0
5.	INDONESIA	8	9	17
6.	LIBERIA	0	0	0
7.	MYANMAR	253	73	326
8.	NIGERIA	0	0	0
9.	PAKISTAN	1	0	1
10.	FILIPINA	1	3	4
11.	THAILAND	3	4	7
12.	VIETNAM	28	3	31
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>306</b>	<b>99</b>	<b>405</b>